

PANELIEF FAST 500MG TABLET

Paracetamol (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Panelief Fast
2. Bagaimana Panelief Fast berfungsi
3. Sebelum menggunakan Panelief Fast
4. Cara menggunakan Panelief Fast
5. Semasa menggunakan Panelief Fast
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang pendaftaran produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP

1. Apakah kegunaan Panelief Fast

Panelief Fast digunakan untuk melegakan demam, kesakitan dari ringan kepada sederhana termasuk: sakit kepala, migrain, sakit belakang, sakit otot, myalgia, senggugut, sakit osteoarthritis, sakit gigi, ketidakselesaan dari selsema, dan sakit tekak.

2. Bagaimana Panelief Fast Berfungsi

Panelief Fast mengandungi bahan aktif paracetamol yang merupakan ubat tahan sakit dan mampu merendahkan suhu semasa anda demam. Ia bertindak dengan pantas kerana boleh diserap dengan cepat oleh badan.

3. Sebelum menggunakan Panelief Fast

-Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda mempunyai alahan terhadap paracetamol atau bahan-bahan yang terkandung dalam produk ini.
- Jika anda sedang mengambil ubat lain yang juga mengandungi paracetamol.
- Jika anda mempunyai penyakit hati yang teruk dan aktif

-Sebelum mula menggunakan

Semak dengan doktor anda

- Jika anda menghidapi sebarang penyakit buah pinggang atau hati, termasuk penyakit hati alkohol.
- Jika anda menghidapi arthritis yang sederhana dan perlu menggunakan ubat tahan sakit setiap hari.

-Jika menggunakan ubat-ubat lain

Sila memberitahu doktor atau ahli farmasi jika anda ada menggunakan ubat-ubatan lain seperti

- Anti-pembeku. (seperti *warfarin*)
- ubat tahan sakit setiap hari.
- Ubat-ubat lain yang anda sedang guna, seperti ubat dibeli tanpa preskripsi.

Hamil dan penyusuan anak Kegunaan dalam Kehamilan:

- Dianggap ubat tahan sakit pilihan untuk wanita mengandung.
- Walaupun paracetamol akan melalui plasenta, ia dianggap selamat jika digunakan pada dos yang normal untuk tempoh masa singkat sebagai ubat tahan sakit atau ubat demam.

Kegunaan dalam penyusuan:

- Paracetamol akan wujud dalam susu ibu jika ibu menggunakan ubat paracetamol dalam tempoh menyusu.
- Pengambilan paracetamol pada dos yang normal tidak akan membahayakan bayi yang diberi susu.

Memandu kereta dan mengendali mesin

Paracetamol biasanya tidak menjejaskan keupayaan seseorang mengendalikan mesin atau memandu.

4. Cara menggunakan Panelief Fast

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: setiap kali 1 hingga 2 biji diambil, sehari 3-4 kali bila perlu. Maksimum: 8 tablets dalam 24 jam. Tidak sesuai untuk kanak-kanak.

-Bila perlu menggunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Tempoh rawatan ditentukan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom keracunan paracetamol termasuk: muntah, berpeluh atau sakit perut. Dos yang berlebihan boleh menyebabkan kerosakan hati.

5. Semasa menggunakan Panelief Fast

-Perkara yang perlu dilakukan

Simpan RiMUP ini, anda mungkin perlu membaca semula. Jika anda ada sebarang pertanyaan, sila tanya doktor atau ahli farmasi.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan bagi ubat ini kepada orang lain. Ia mungkin tidak sesuai untuk orang lain walaupun mereka mempunyai simptom yang sama.
- Jangan menggunakan ubat yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan mengambil melebihi dos yang disyorkan. Jika simptom anda berterusan atau sakit kepala menjadi kekal, sila jumpa doktor anda.

6. Kesan-kesan Sampingan

Kesan sampingan paracetamol adalah jarang dan biasanya ringan, walaupun reaksi berkaitan masalah darah pernah dilaporkan. Reaksi hipersensitiviti kulit termasuk ruam kulit, angioedema, *Stevens Johnson Syndrome/ Toxic Epidermal Necrolysis* telah dilaporkan.

Amaran alahan: Paracetamol mungkin menyebabkan reaksi kulit yang serius. Simptom-simptom termasuk kemerahan kulit, lepuh dan ruam.

Ini boleh menjadi tanda keadaan serius. Sekiranya sebarang kesan sampingan ini berlaku, berhenti mengambil ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

PANELIEF FAST 500MG TABLET

Paracetamol (500mg)

7. Penyimpanan and Pelupusan

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Jangan menggunakan jika tarikh yang dicetak pada komponen pembungkusan telah luput.

Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi persekitaran.

8. Maklumat Lanjut

-Rupa and warna produk

Tablet berwarna putih berbentuk bulat dengan 500 pada satu permukaan, dan licin pada permukaan belakang.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif: Paracetamol

Bahan-bahan tidak aktif:

Sodium starch glycolate, sodium lauryl sulphate, pre-gelatinised starch, plasdone K30, croscarmellose sodium, colloidal silica, air dan magnesium stearate.

-Nombor Pendaftaran

**Panelief Fast 500mg Tablet
MAL25026036XCZ**

9. Pengilang

AV Manufacturing Sdn. Bhd. (667760-v)
Lot 10621 (PT16700), Jalan Permata 2,
Arab Malaysian Industrial Park
71800 Nilai, Negeri Sembilan.

10. Pemegang pendaftaran produk

AV Pharma Enterprise (NS0269092-D)
No.28A, Jalan BP 6/6, Bandar Bukit
Puchong, 47120 Puchong, Selangor.

11. Tarikh kemaskini RiMUP

11 Mar 2025

12. Siri Nombor

NPRA(R2) 24/065